

15/05/2004

Bahasa Inggeris tidak kikis sifat kemelayuan

By Putera Malaysia

PERBAHASAN di akhbar mengenai bahasa Melayu menjadi bahasa rojak, tidak dihormati dan tidak berada pada taraf yang sewajarnya sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi tidak seharusnya menjurus kepada perbahasan yang menggambarkan jingoism atau fahaman kebangsaan yang sempit.

Bagaimanapun, inilah yang berlaku. Orang Melayu yang bertutur bahasa Inggeris dianggap tidak menghormati bahasa sendiri, orang Melayu tidak berbahasa Melayu dengan baik atau menggunakan bahasa Melayu yang bercampur dengan bahasa Inggeris pula dikritik.

Teguran yang dibuat secara umum dan tidak hanya terbatas kepada penggunaan rasmi seperti di TV, radio atau dalam penulisan.

Pendekatan seumpama inilah yang mendedahkan kepada pandangan orang bukan Melayu terhadap kerendahan pemikiran Melayu atau kejumudan berfikir mereka yang memperjuangkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Pandangan ini juga menyebabkan anak Melayu berasa bersalah untuk mempraktikkan bahasa Inggeris.

Saya diberitahu seorang pelajar undang-undang di sebuah universiti di United Kingdom dia dipandang serong oleh rakan Melayunya kerana lebih suka berbahasa Inggeris dengan mereka dan juga kerana bergaul dengan orang Inggeris.

Saya menganggap pelajar ini seorang yang progresif dan berfikiran terbuka kerana dia tahu menggunakan persekitaran yang dapat membantunya menguasai bahasa Inggeris dengan cepat sekalipun beliau berasal dari aliran Melayu.

Sebenarnya penguasaan bahasa Inggeris dalam pertuturan dan penulisan memerlukan latihan yang bertubi-tubi dan iltizam yang kuat.

Kesungguhan pelajar ini untuk menguasai bahasa Inggeris tidak merugikan orang Melayu, sebaliknya meningkatkan nilai dirinya dan pastinya dia lebih mudah mendapat tempat dalam pasaran kerja Malaysia dan luar berbanding pelajar yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan hanya bergaul dengan pelajar Melayu dan Islam di luar negara.

Ilmuwan Melayu seperti Allahyarham Pendeta Za'aba, Profesor Tan Sr Ismail Hussein, Datuk Hassan Ahmad, Datuk Seri Rafidah Aziz, Profesor Diraja Ungku Aziz dan lain-lain lagi nasionalis Melayu yang menjuarai bahasa Melayu tidak menghadapi masalah dalam penggunaan bahasa Inggeris oleh kerana mereka terdedah pada persekitaran zaman yang memaksa mereka menggunakan bahasa Inggeris, tetapi nasionalisme mereka tidak kurang daripada nasionalis Melayu yang lain.

Bagaimanapun, mereka yang membesar dalam suasana pembentukan nasionalisme selepas merdeka tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Kebanyakan mereka menghadapi masalah untuk mendapat pekerjaan di sektor swasta dan mencari jalan mudah dengan bekerja dengan kerajaan.

Apabila kerajaan tidak lagi dapat menampung mereka, maka masalah sebenar terdedah.

Masalah ini tidak begitu dirasakan nasionalis Melayu yang berasal daripada pendidikan Inggeris dan terdedah pada taraf sosial yang tinggi kerana keupayaan bahasa Inggeris mereka.

Ada kalanya kita dapati nasionalis Melayu yang berpendidikan Inggeris ini bersuara seperti tidak sensitif dengan masalah yang dihadapi oleh anak Melayu daripada rakyat biasa.

Sesungguhnya keadaan dunia tanpa sempadan berbeza dengan keadaan sebelum

dan selepas Malaya baru merdeka. Manusia yang berkualiti antarabangsa diperlukan untuk keselamatan dan kehormatan Melayu sendiri.

Globalisasi bererti pembaratan seluruh dunia dalam sistem sosiopolitik dan ekonomi dengan bahasa Inggeris sebagai kuasa utama dunia. Mahu tidak mahu kita terpaksa berada di dalamnya dan terpaksa berjuang untuk selamat dalam menghadapi tekanan ini.

Kestabilan, keselamatan dan pencapaian Malaysia sebagai negara yang bermaruah dan dihormati sekarang kerana kepemimpinan negara sebelum dan sesudah merdeka diambil alih oleh mereka yang berpendidikan Barat yang berfikiran terbuka seperti Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan sekarang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pendidikan Barat dan Inggeris tidak membaratkan mereka. Sebaliknya mereka berupaya menggunakan kekuatan Barat dalam sosio-budaya dan ekonomi untuk memperkuatkan ketahanan dalaman kita dan berjaya meletakkan kita pada taraf bermaruah sekarang.

Senario ini seharusnya merasionalisasikan sikap kita dalam perbincangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu dan mengembalikan kedudukan sekolah kebangsaan pada taraf sepatutnya.

Perbincangan mengenai hal ini perlu bertolak daripada keyakinan bahawa penguasaan bahasa Inggeris adalah penting bagi menjamin masa depan generasi Melayu dan bahasanya.

Jika pendekatan yang berasaskan sentimen melulu diambil, sekolah kebangsaan terus dijauhi tidak saja oleh orang bukan Melayu tetapi juga orang Melayu sendiri.

Mungkin ini kenyataan yang pahit, tetapi mereka yang tidak berada dalam jingoism dapat melihat cermin diri yang lebih besar.

PUTERA MALAYSIA,  
Kuala Lumpur.

(END)